

1984

KUALA LUMPUR, 1 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS GOLONGAN-GOLONGAN YANG ENGGAN MENERIMA TEKNOLOGI ASING DAN TIDAK MAHU MELUANGKAN MASA ATAU BERUSAHA MEMPELAJARNYA.

ALASAN MEREKA KONONNYA "MEREKA SUDAH TAHU DAN TIDAK PERLU DIAJAR, KATANYA.

"JIKA PEMINDAHAN TEKNOLOGI TIDAK BERLAKU DI MALAYSIA, SEPARUH DARI KALANGAN ITU ADALAH BERPUNCA DARI DIRI KITA SENDIRI," KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD KETIKA MERASMIKAN PAMIRAN "JAPAN TECHNOFAIR '84" DI CHANGKAT PAVILLION DI SINI.

KATANYA, ADA JUGA PEGAWAI TEKNIKAL DARI MALAYSIA YANG BERSIKAP ANGGUH SAMB XI MEMBERITAHU BELIAU: "APADIA YANG HENDAK KITA PELAJARI DARI JEPUN? ORANG JEPUN PUN BELAJAR DARI ORANG BARAT LEBIH BAIK KITA BELAJAR DARI SUMBER ASAL."

BAGAIMANAPUN, KATANYA, LITU HANYA KATA-KATA KERANA GOLONGAN ITU TIDAK JUGA Mencari BA BARAT.

SIKAT INILAH, TEGASNYA, YANG MENYEBABKAN NEGARA INI KETINGGALAN BERBANDING DENGAN KOREA SELATAN, TAIWAN, HONG KONG- DAN JUGA SINGAPURA. -- LAGI 1315/II

ICIC 8351

MAHATHIR - TEKNOLOGI 2 KUALA LUMPUR

ORANG-ORANG SEPERTI ITU, DR MAHATHIR MENAMBAH, "TIDAK DAPAT MELIHAT KEJAYAAN WALAUPUN IA BERLAKU DI HADAPAN MATA MEREKA DAN APABILA GAGAL, MEREKA SALAHKAN ORANG."

DATUK SERI DR MAHATHIR BAGAIMANAPUN TIDAK MENAFIKAN ADA BUKTI BAHAWA WUJUDNYA SIKAP PENGUSAHA-PENGUSAHA ASING YANG ENGGAN MEMINDAHKAN TEKNOLOGI MEREKA KEPARA RAKYAT NEGARA INI.

APA YANG PENTING, IALAH SIKAP DAN KESANGGUPAN MASYARAKAT NEGARA INI MENERIMA TEKNOLOGI BARU INI, TAMBAHNYA.

NEGARA-NEGARA SEPERTI KOREA SELATAN, TAIWAN DAN HONG KONG, KATANYA, MENGHADAPI MASALAH KEENGGANAN PENGUSAHA ASING MEMINDAH TEKNOLOGI, SAMA SEPERTI YANG DIHADAPI OLEH PENGUSAHA MALAYSIA.

BAGAIMANAPUN, ADALAH JELAS BAHAWA MEREKA BERJAYA MENGUASAI TEKNOLOGI BARU DAN MENGADAKAN PERUSAHAAN MEREKA SENDIRI, KATA PERDANA MENTERI. -- LAGI 1320/II

MAHATHIR-TEKNOLOGI 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI INDUSTRI ELEKTRONIK, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN TENTANG PERLUNYA PENGUSAHA-PENGUSAHA TEMPATAN BERUSAHA MEN-DAPATKAN TEKNOLOGI BAGI MENCELUARKAN BARANGAN YANG MENCCUNAKAN 'MIKROCIP' DENGAN SENDIRI.

KATANYA, NEGARA INI TELAH LAMA MENGELUARKAN 'MIKROCIP' DAN KOM-PONEN ELEKTRONIK YANG LAIN, TETAPI BELUM ADA SATU PUN INDUSTRI TEM-PATAN YANG MENCIPTA BARANGAN YANG MENGGUNAKAN 'MIKROCIP, DAN KOM-PONEN YANG DIKELUARKAN DENGAN BANYAKNYA DI NEGARA INI.

SEBALIKNYA, SYARIKAT-SYARIKAT ASING YANG MENGELUARKAN BARANG INI, DAN SANGGUP DIBEKAL DENGAN BERMACAM-MACAM HASIL SEPARUH PROSES DARI MALAYSIA, TAMBAHNYA.

DR. MAHATHIR JUGA MENGGESA PIHAK JEPUN SUPAYA MEMAINKAN PERANAN UTAMA DENGAN MENGIMPORT LEBIH BANYAK LAGI BARANG-BARANG MALAYSIA YANG TELAH DIPROSES.

INI, IALAH KERANA MALAYSIA MENGHADAPI PELBAGAI MASALAH PERDA-GANGAN APABILA CUBA MENGEKSPORT BARANG-BARANG YANG TELAH DIPROSES KE NEGARA-NEGARA MAJU, TERMASUK JEPUN. -- LAGI 1330/ZCM

SELARAS DENGAN HUBUNGAN PERDAGANGAN YANG BALK ANTARA JEPUN DAN MALAYSIA SEKARANG, KATA DATUK SERX DR. MAHATHIR, JEPUN SEHARUSNYA DAPAT MENERIMA LEBIH BANYAK BARANGAN S L A P BUATAN MALAYSIA.

SEBELUMITU, NAIB PRESIDEN, PERTUBUHAN PERDAGANGAN LUAR JEPUN (JETRO) ENCIK K. S. MIYOMOTO BERKATA, JUMLAH PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA ITU TELAH MENINGKAT LIMA KALI DARI US\$1,200 JUTA (KIRA-KIRA M\$2,808 JUTA) DALAM TAHUN 1974 KEPADA US\$5,900 (KIRA-KIRA M\$13,806 JUTA) DALAM TAHUN 1983.

PERTUMBUHAN YANG PESAT ITU MENUNJUKKAN PERHUBUNGAN YANG ERAT ANTARA MALAYSIA DAN JEPUN SEJAK NEGARA INI GIAT MEMPELBAGAIKAN INDUSTRI-INDUSTRI TEMPATANNYA.

ENCIK MIYOMOTO YAKIN HUBUNGAN KEDUA-DUA NEGARA INI AKAN BERTAMBAH ERAT

DALAM TAHUN-TAHUN AKAN DATANG MEMANDANGKAN MALAYSIA MEMPUNYAI BEKALAN BAHAN-BAHAN MENTAH YANG BANYAK, DISAMPING KEDUDUKAN POLITIKNYA YANG STABIL.

BELIAU JUGA PERCAYA, MALAYSIA, YANG TELAH MEMASUKI ERA BARU DALAM PERTUMBUHAN INDUSTRI BARU MEMPUNYAI MASA HADAPAN YANG CERAH BERSAMA SAMA. - - BERNAMA 1334/ZCM